

# EKSPEDISI KEUSAHAWANAN GUNUNG KINABALU

Skumpulan pelajar-pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir dari pelbagai program pengajian di Sekolah Perniagaan & Ekonomi telah berjaya melakukan ekspedisi pendakian Gunung Kinabalu pada 2– 3 Februari yang lalu. Ekspedisi tersebut dianjurkan oleh kelab Keusahawanan merupakan antara pelbagai aktiviti yang dirancang oleh Kelab Keusahawanan sepanjang tahun 2008. Menurut Pengarah Ekspedisi, Birthilda Soudi Sami, kesemua ahli ekspedisi telah berjaya mendaki hingga ke puncak Gunung Kinabalu dengan selamat tanpa menghadapi sebarang kesulitan mahupun perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Ternyata semangat serta kerjasama yang diberikan sepanjang pendakian tersebut berjaya membina ketahanan mental dan fizikal para pendaki. Pihak pengajian bercadang untuk menganjurkan pendakian yang sama di tahun hadapan memandangkan sambutan yang diberikan amat menggalakkan.

